

Dialek Patani Hulu Perak Utara dalam Konteks Sejarah Ketamadunan Islam Patani

BITARA

Volume 7, Issue 1, 2024: 104-120
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 31 December 2023
Accepted: 11 January 2024
Published: 2 February 2024

[Dialect of Hulu Perak Utara in The Context of The History of Islamic Civilization in Patani]

Nur Habibah Che Rosdi ¹

1 Bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu dan Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11700 Penang, MALAYSIA.

Email: nurhabibahcr@usm.my

*Corresponding Author: nurhabibahcr@usm.my

Abstrak

Makalah ini membincangkan perkembangan dialek yang dilihat pada aspek sejarah linguistik bahasa Melayu melalui pandangan atau Model Robins 1967 yang menekankan perkembangan linguistik bersifat evolusi atau berkesinambungan. Evolusi bermaksud sesuatu idea linguistik yang dibicarakan dalam sesuatu zaman bukan muncul secara tiba-tiba dalam zaman tersebut, sebaliknya idea tersebut sebenarnya ialah warisan dari zaman atau ahli linguistik yang terdahulu. Berteraskan ini, dialek Hulu Perak Utara (HPU) dikaji data linguistik secara sinkronik dengan membicarakan perbandingannya kosa kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu, hasil catatan sejarah yang menyatakan Hulu Perak merupakan sebahagian kawasan ketamadunan Islam Patani. Metodologi kajian ini adalah secara kualitatif dan bersifat penghuraian deskriptif historis. Pengumpulan data diperoleh melalui kajian dokumen dan kajian lapangan dengan melakukan teknik temu bual terhadap pengajuan daftar kata dan temu bual tidak berstruktur serentak dengan teknik rakaman. Hasil kajian mendapati perkembangan kosa kata pinjaman bahasa Arab dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam dialek HPU mengalami retensi, iaitu pengekalan. Manakala aspek perubahan bunyi hanya jelas kepada konsonan pinjaman /f/ bahasa Melayu berubah menjadi /dZ/ dalam dialek HPU.

Kata kunci: Dialek Hulu Perak; dialek Patani; Islam Patani; sejarah perkembangan bahasa; sejarah linguistik

Abstract

This paper discusses the development of a dialect observed in the historical linguistic aspect of the Malay language through the lens of Robins' 1967 model, which emphasizes that linguistic development is evolutionary and continuous. Evolution means that a linguistic idea discussed in a certain era did not suddenly emerge in that era; instead, the idea is actually a legacy from previous eras or linguists. Based on this, the dialect of Hulu Perak Utara (HPU) is examined synchronically by discussing its vocabulary comparison with Arabic loanwords in the Malay language, based on historical records stating that Hulu Perak is part of the Islamic civilization in Patani. The research methodology is qualitative and descriptive-historical. Data collection is obtained through document analysis and field studies, including interviews for vocabulary lists and simultaneous unstructured interviews with recording techniques. The study found that the development of Arabic loanwords in the Malay language used in the HPU dialect experienced retention, meaning preservation. Meanwhile, changes in sound are only evident in the borrowed /f/ consonant from Malay, which changes to /dZ/ in the HPU dialect.

Keywords: *history of language development; Hulu Perak dialect; linguistic history Patani dialect; Patani Islam*

Cite This Article:

Nur Habibah Che Rosdi. (2024). Dialek Patani Hulu Perak Utara dalam Konteks Sejarah Ketamadunan Islam Patani [Dialect of Hulu Perak Utara in The Context of The History of Islamic Civilization in Patani]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(1): 104-120.

Pengenalan

Bahasa merupakan sebuah alat komunikasi paling berkesan dalam menyampaikan sesuatu maklumat untuk difahami oleh pengguna. Menurut Asmah Omar (2015) bahasa ialah satu sistem yang menyatakan akal fikiran dan hati manusia dan juga bahasa sebagai alat perhubungan antara manusia harus berkembang selaras dengan perkembangan masyarakat pemakai bahasa itu. Bahasa juga sifatnya sentiasa berkembang. Jika sesebuah bahasa itu tidak berkembang, bahasa tersebut akan mati.

Di Nusantara bahasa Melayu telah melalui beberapa peringkat perkembangan bahasa untuk sampai ke kedudukan bahasa Melayu sekarang ini. Dialek-dialek Melayu pula berkembang secara bersendirian dalam ranah masing-masing selepas perpisahan bahasa Melayu daripada bahasa-bahasa dalam keluarga bahasa Austronesia Barat (Asmah, 2015). Peringkat perkembangan bahasa yang dimaksudkan ialah terdapat sekurang-kurangnya empat peringkat perkembangan bahasa tua yang telah wujud sebelum bahasa Melayu sekarang ini, iaitu bahasa Melayu Purba, bahasa Melayu Kuno, bahasa Melayu Klasik dan bahasa Melayu Moden (Teeuw, 1987). Dalam menelusuri perkembangan bahasa, aspek sejarah secara tidak langsung akan dijelmakan.

Kajian berkaitan sejarah, bahasa dan agama telah banyak dilakukan oleh para sarjana. Namun, tidak banyak penemuan yang membincangkan ketiga-tiga disiplin ini (sejarah, bahasa dan agama) dalam satu perbincangan dan dikaitkan antara satu sama lain dalam satu zaman. Melalui bidang sejarah linguistik iaitu melihat perkembangan bahasa, secara tidak langsung kesemua ini dapat diperincikan melalui kajian secara sinkronik. Kajian yang dimaksudkan adalah meneliti perkembangan bahasa atau dialek berkaitan zaman itu dan diperihalkan berdasarkan bukti-bukti sejarah.

Kajian seumpama ini dilihat mampu dilakukan dengan baik apabila wujudnya sesebuah kawasan yang dianggap begitu bersejarah dan mempunyai nilai estetika yang tinggi peradabannya. Maksudnya budaya dan bahasa yang dipunyai oleh komuniti tersebut masih kekal dan terpelihara sehingga kini. Hulu Perak antara sebuah kawasan yang dilihat mempunyai nilai sejarah peradaban yang tinggi semenjak Lenggong menjadi tapak warisan dunia oleh UNESCO pada 30 Jun 2012. Pelbagai bidang kajian yang cuba dilakukan di kawasan tersebut. Selain daripada kajian arkeologi, kajian bahasa merupakan salah satu bidang kajian yang giat dilakukan sehingga ke hari ini di Hulu Perak. Berdasarkan kajian ini, pendekatan kajian yang digunakan adalah kajian secara kualitatif yang melibatkan bidang sejarah linguistik menggunakan pendekatan Model Robins (1967), iaitu setiap zaman dihuraikan berasaskan data linguistik yang menjadi kajian pada zaman tersebut.

Fokus kajian adalah melihat perkembangan bunyi dan kosa kata pinjaman bahasa Arab dalam dialek Patani Hulu Perak Utara (HPU). Pemilihan kawasan ini dan skop kajian terhadap pengkajian bunyi dan kosa kata pinjaman bahasa Arab kerana sejarah ketamadunan HPU. Sejarah membuktikan bahawa kawasan HPU yang bersempadan dengan Betong Thailand ini

merupakan sebahagian kawasan Langkasuka dan di sinilah tapak penyebaran Islam Patani bermula.

Latar Belakang Hulu Perak Utara

HPU merupakan salah satu daerah dalam negeri Perak dan merupakan daerah paling besar yang merangkumi daerah Lenggong, Gerik dan Pengkalan Hulu. Keseluruhan daerah ini dibahagikan kepada 10 mukim iaitu Gerik, Kerunai, Kenering, Temenggor, Belum, Pengkalan Hulu, Belukar Semang, Lenggong, Temelong dan Durian Pipit. Dialek pertuturan di daerah ini terkenal dengan dialek Patani (Ismail Hussien 1973, Harun Mat Piah 1983, Asmah Omar 2015). Secara ringkasnya Hulu Perak asalnya adalah sebahagian daripada negeri Reman dalam wilayah Pattani pada suatu ketika dahulu. Orang-orang Melayu Patani merupakan golongan yang terawal mendiami dan membuka hutan di Hulu Sungai Perak.

Berdasarkan catatan sejarah Hulu Perak, orang yang mula-mula membuka Perak ialah Tun Saban, anakanda Tun Perak. Kisah kedatangan Tun Saban ke Perak diceritakan panjang lebar oleh (Raja Razman 1963). Berikut ini akan diceritakan sebahagian sejarah penting mengenai kedatangan Tun Saban ke Hulu Perak. Kisahnya bermula kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada tahun 1511. Kejatuhan Melaka ini telah menyebabkan Sultan Mahmud Syah berpindah, dan menubuhkan kerajaan di Bentan. Serangan kedua Portugis pada 1526, baginda berpindah pula ke Kampar. Pada ketika inilah Tun Saban berhijrah ke Hulu Patani dan menetap di Beredung Budi. Dan seterusnya Tun Saban berpindah ke Belum di Hulu Perak dan membuka perkampungan di kawasan Relap Hati dan menjadi ketua masyarakat Belum. Menurut Roslelawati Abdullah (2017) Daerah Hulu Perak sangat luas, iaitu bermula dari Selatan Negeri Patani hingga ke Kuala Temong. Menjelang kurun ke-19, sebahagian besar daripada daerah Hulu Perak adalah di bawah pemerintahan negeri Reman.

Sejarah Pengasasan Kerajaan Reman

Negeri Reman merupakan pecahan daripada negeri Patani. Menurut Ahmad Fathy (1994), sebelum jatuh ke tangan Siam pada tahun 1785, Patani adalah sebuah negeri besar yang merangkumi kawasan-kawasan yang sekarang dikenali Changwad atau Narathiwat, Yala, Patani dan sebahagian daripada Wilayah Songkhla atau senggora. Malah sebahagian besar daerah Hulu Perak di Semenanjung Malaysia sekarang – Lenggong, Kenering, Gerik, Selama, Rantau Panjang dan Pengkalan Hulu dahulunya dikatakan sebahagian daripada negeri Patani Darul Salam. Menurut Raja Razman (1963) pengasasan Reman berlaku pada tahun 1810 apabila Tuan Nik Tok Leh menganjurkan penentangan terhadap Raja Patani pada masa itu. Menurut beliau Raja Razman dalam Roslelawati Abdullah (2017):

Negeri Reman itu asalnya ialah sebahagian daripada negeri Patani juga. Akan tetapi kira-kira dalam tahun 1810, seorang daripada keluarga Raja Patani lalu mengangkat dirinya menjadi Raja di Reman. Raja Patani cuba memadamkan pemberontakan itu tetapi tidak berjaya sebab Tuan Nik Tok Leh telah lama bersedia dan berupaya mempertahankan negeri yang baru dikuasainya itu, meskipun tidak ada pertempuran besar yang berlaku di antara kedua buah negeri tersebut tetapi peperangan cara gerila berjalan bertahun-tahun lamanya. Sambung Raja

Razman (1963) lagi, peperangan yang berjalan berlarutan di antara Patani dengan Reman itu telah membuka ruang kepada orang-orang Siam yang telah lama menunggu dan bercita-cita untuk meluaskan kekuasaan mereka jauh ke Selatan, apabila kedua-dua negeri ini bergaduh sesama sendiri sehingga masing-masing lemah, masa inilah Siam akan masuk menyerang dan menakluk negeri-negeri itu dengan mudah. (2017:11-12)

Walau bagaimanapun, menurut Roslelawati (2017), terdapat perselisihan pendapat terhadap tempoh atau tarikh yang sebenarnya dalam penentuan negeri Reman terbentuk. Menurut Roslelawati, tempoh sebenar negeri Reman diasaskan adalah pada abad ke-18, iaitu sebelum ia jatuh ke tangan Siam. Ini didasari dengan fakta sejarah berhubung penaklukan Siam ke atas Patani berlaku pada tahun 1786, iaitu pada abad ke-18 sewaktu Siam berada di bawah pemerintahan Rama I Pra Putera Yot Fa Chulalok (1782-1809) (Mohd. Zamberi 1993:96).

Selepas British berjaya mengambil alih pentadbiran Negeri Perak, Residen pertama Perak J.W.W Birch telah menjemput Walter Knaggs, iaitu seorang juruukur bagi mengemas kini tempat-tempat seluruh negeri Perak. Dalam catatannya, tidak menyebut langsung nama-nama tempat di Hulu Perak kerana masih dianggap sebagai Selatan Reman atau Hulu Patani (Mohd. Zamberi 2017). Tambahan Mohamad Zamberi lagi,

Sempadan tradisional antara negeri Perak dan Patani bertempat di Rantau Ulu sekitar Kuala Temong dan Kuala Sungai Pelus di Chegar Galah sudah pun lama berganjak hingga kawasan Durian Pipit. Akibat tercetusnya peristiwa Sira Pari, sempadan Perak-Patani diperkukuhkan pada tahun 1884 dan buat pertama kalinya mewujudkan kawasan Hulu Perak. Hal ini sekaligus mengubah takrif Rantau Ulu atau Hulu Perak yang selam ini berada di sekitar Kuala Kangsar hingga Lenggong (2017: 64-65).

Daripada kawasan Durian Pipit, kini peluasan kawasan Hulu Perak diubah jauh hingga ke Bukit Naksah (antara Kenayat dan Tawai, Batu 91, sebelum pekan Grik sekarang). Mohd. Zamberi menjelaskan:-

Selama 15 tahun kerajaan British di negeri Perak telah meluaskan kuasa pertamanya di daerah Hulu Perak, tetapi belum berpuas hati terhadap kawasan yang diperolehnya. Pihak berkuasa Perak melihat masih ada peluang untuk mendapatkan kawasan terkaya di Selatan Reman yang meliputi Kelian Intan, Klian Indah, Rui hingga Kroh. Cadangan untuk membentuk sempadan kedua timbul berikutan musim kemarau yang melanda penduduk Kerunai di bawah pemerintahan Kerajaan Reman. Kesempatan ini diambil oleh Hubert Berkelay terbaik-baik dengan penduduk dengan menghantar bekalan makanan kepada penduduk Kerunai yang hampir kelaparan kerana musim kemarau. Sambil menunjukkan sikap terbaik-baik, beliau bertindak mengubah penetapan batu sempadan Perak-Reman ke Kubang Gendang, di Kuala Kuak (2017: 66).

Menurut Mohd Zamberi (2017: 66) lagi, penyerahan kawasan Selatan Reman oleh pihak berkuasa Bangkok tidak dipersetujui oleh Raja Reman, Tuan Jagong. Pada April 1887, baginda sendiri ke Bangkok menemui Menteri Luar Negeri Siam untuk menentang campur tangan hak kedaulatan baginda secara turun temurun. Berita kemangkatan Raja Reman yang telah berkhidmat selama 50 dalam Kerajaan Reman telah memudahkan proses penyerahan Hulu Reman kepada negeri Perak.

Ringkasnya, persengketaan perebutan persempadanan kawasan Perak-Reman diakhiri dengan suatu perjanjian yang bersejarah. Perjanjian Sempadan Hulu Perak-Reman yang dikenali Perjanjian Bangkok 10 Mac 1909 atau dikenali *Anglo-Siamese Agreements*. Tiada lagi kuasa pemerintahan raja-raja Melayu di seluruh negeri Reman dan Kerajaan Melayu Patani akibat terhapusnya Kesultanan Melayu Patani pada tahun 1909 (Ahmad Atory 1975 dalam Mohd Zamberi 2017). Rentetan itu, kawasan seluas 2,300 batu persegi yang meliputi Klian Intan, Klian Indah, Klian Mas, Rui, Kroh (kini Pengkalan Hulu), Empat Air, Belum, Tapong dan Temenggor telah diserahkan kepada kerajaan Reman menjadi sebahagian daripada peluasan daerah Hulu Perak seperti yang tertera dalam peta moden kini (Mohd Zamberi 2017:70).

Sorotan Kajian

Kajian berkaitan bahasa kini telah mengalami perubahan, yakni tidak hanya berkisarkan tentang sistem sesebuah bahasa atau dialek itu semata. Banyak kajian bahasa yang telah merentas disiplin menjadikan pengkajian bahasa itu dapat dilihat pada perspektif yang lebih jelas dan lebih berpengetahuan. Berikut disoroti kajian-kajian yang telah dilakukan oleh pengkaji barat dan tempatan berkaitan dialek Perak dan khusus dialek HPU berkaitan dalam perkembangan kajian dialek itu sendiri. Daripada kajian awal kosa kata, pemetaan dialek, pengelompokan, mahupun kajian yang merentas bidang yang menggunakan teknologi pemetaan.

Kajian dialek Perak yang terawal pernah diteliti ialah daripada golongan sarjana Eropah, (Sturrock 1912). Kajian pertama mengenai dialek Perak ini merupakan deskripsi artikel yang pendek membincangkan perbezaan dialek Perak yang dituturkan di sepanjang Sungai Perak. Perbandingan dialek Perak ini dilakukan di antara dialek Kelantan dan dialek Pahang Tengah daripada segi kosa kata, sebutan dan perbezaan penggunaan kata serta ayat pada setiap dialek tersebut.

Perbandingan dilakukan terhadap 14 kosa kata yang wujud dalam kedua-dua dialek Perak dan Pahang. Antara Kosa kata yang dibandingkan adalah 'hak' – yang, 'camcah' – sudu, 'molek' – elok, 'selalu' – langsung, 'sama' – sekali, 'kerap' – sering, 'amat'- sangat. Kesimpulan daripada kajian ini, (Sturrock 1912) mendapati perbandingan yang beliau lakukan terhadap dialek Perak dan Pahang, hanya ada sedikit sahaja perbezaan. Ini bermakna, ternyata dialek Perak mempunyai persamaan atau sangat hampir ciri dengan dialek Pahang.

Kajian seterusnya adalah oleh C.C Brown (1921) dalam buku *Perak Malay*. Ia mengandungi dialog-dialog harian penutur dialek Perak yang dicatatkan oleh C.C Brown secara ortografi. Rakaman kajian ini dilakukan di persisiran Sungai Perak. Dari segi fonologi, beliau telah menemui beberapa sistem bunyi dialek Perak yang membezakannya dengan dialek Melayu yang lain. Misalnya penggantian suku kata /-ar/ pada akhir kata menjadi /-or/ seperti dalam perkataan [dengar] dan [besar] yang bertukar menjadi [dengor] dan [besor]. Hasil kajian beliau mendapati bahawa perkataan yang berakhir dengan suku kata /-al/ pula akan digantikan dengan /-y/. Misalnya perkataan [jual] menjadi [juay].

Pada tahun 1926, Wulff membuat kajian yang mendalam mengenai deskripsi fonetik dialek yang dituturkan masyarakat tempatan di kawasan Kota Lama Kiri dan Kuala Kangsar (dalam Zaharani 1991:3). Dalam kajian ini Wulff menerangkan setiap bunyi diartikulasikan dan

dipersembahkan dengan simbol fonetik yang spesifik. Kemudian bunyi-bunyi tertentu yang dianggap ciri khas dialek Perak dibezakan dengan bahasa Melayu standard dari segi penyebutan dan sistem ejaannya. Tambahan lagi, kajian ini juga menghuraikan beberapa aspek morfologi dan aturan morfofonemik seperti reduplikasi, pengguguran /r/ dalam imbuhan awalan ber-, ter-, dan per- serta kehilangan 'me' dalam awal men-. Teeuw memberi komen bahawa walaupun kajian yang dilakukan (Wulff 1926) ini dianggap menarik dan baik, tetapi asasnya masih lagi tidak begitu memuaskan. Hal ini kerana, menurut Teeuw, Wulff hanya melibatkan seorang sahaja informan dalam pengumpulan data, dan informan tersebut adalah juga merupakan gurunya sendiri.

Pendeta (Za'ba 1965) merupakan antara sarjana tempatan yang terawal membincangkan tentang dialek Perak dalam terbitan Ilmu Mengarang Melayu. Kajian yang dilakukan oleh Za'ba ini juga mirip dengan kajian (Brown 1921) iaitu hanya menggunakan ortografi standard dalam persembahan data penyebutan dialek Perak. Sebagai contoh orang tempatan Perak menyebut orang – oghang, beri – beghi, ayer – ayao, bayar – bayao, khabar – habao, kucing – kuchin, masing-masing – masin-masin dan sebagainya. Selain daripada itu juga, Za'ba menerangkan serba sedikit ciri-ciri tersendiri yang terdapat dalam dialek Perak. Sebagai contoh dalam kata ganti nama diri seperti teman, mika, dema, kupang dan lain-lain.

Abu Bakar Hamid (1962) antara sarjana tempatan yang terawal juga mengkaji dialek Perak. Berbeza dengan dengan Za'ba (1965), kajian Abu Bakar Hamid (1962) dilihat lebih bersifat menyeluruh, maksudnya bukan hanya kajian kata atau dialog semata. Beliau telah melakukan penyelidikan di dalam artikelnya yang bertajuk Sedikit mengenai fonologi dialek Perak.


Dalam artikel tersebut, beliau menyatakan dialek Perak masih kurang mendapat tumpuan pengkaji. Terutamanya mengenai penentuan batas-batas dalam dialek Perak dan jika ada pun hanya mengkaji secara *arbitrary* sahaja. Secara umumnya, beliau menyatakan bahawa dialek Melayu Perak terbahagi kepada empat dialek iaitu Ipoh, Kuala Kangsar, Taiping dan Parit. Penyelidikan mengenai dialek Perak yang dilakukannya hanyalah tertumpu di satu kawasan sahaja iaitu di daerah Ipoh dengan menggunakan kaedah rakaman.

Menurut A. Bakar Hamid (1962), dialek Perak khususnya dialek Ipoh mempunyai 26 fonem iaitu 5 vokal dan 21 konsonan. Di antara konsonan-konsonan tersebut, terdapat dua konsonan yang tergolong sebagai separuh konsonan iaitu konsonan /w/ dan /y/ berdasarkan perannya dalam kata. Kadang kala /w/ dan /y/ hadir sebagai konsonan penuh, misalnya dalam perkataan [wajib] – [wajep], [awal] – [awey], [bayar] – [bayo] dan [air] – [ayo]. Tetapi berbeza dengan perkataan seperti [sampai] – [sampay], [tangkai] – [tan̩kay], serta [kalau] – [kalaw] dan [pisau] – [pisaw]. Konsonan /w/ dan /y/ akan berubah peranan menjadi diftong apabila ia hadir bersama-sama vokal lain. Selain daripada itu juga, dalam penyelidikan ini beliau ada menerangkan jenis-jenis diftong yang dipunyai oleh dialek Perak. A. Bakar Hamid menyenaraikan bahawa terdapat empat jenis diftong yang ditemui dalam dialek Perak. Diftong tersebut terdiri daripada [ei], [oi], [au] dan [ai].

Seterusnya adalah kajian berkaitan pengelompokan dialek Perak. Setiap negeri baik Perak, Kedah, Kelantan, Terengganu, mahupun negeri-negeri lain mempunyai ciri dialek yang tersendiri. Bahkan dalam satu daerah sesebuah negeri itu mempunyai subdialek yang berbeza. Jika sepanjang sungai terdapat banyak perkampungan, kebarangkalian dialek yang berbeza wujud antara satu kampung dengan kampung yang lain. Ini bermakna benarlah dalam satu

negeri itu memiliki atau mempunyai pelbagai varian dialek yang disebabkan oleh pelbagai faktor yang mempengaruhinya, termasuklah faktor politik.


Dalam dialek Perak sendiri, para pengkaji bahasa telah melakukan pengelompokan dialek berdasarkan ciri perbezaan dialektal yang wujud dalam pertuturan masyarakat di negeri Perak, antara pengkaji-pengkaji awal yang membicarakan pengelompokan dialek Perak ialah (Ismail Hussien 1973; Asmah Omar 2015; Harun Mat Piah 1983). Walau bagaimanapun, setiap ahli dialektologi ini mempunyai sekatan yang tersendiri dalam melakukan klasifikasi kumpulan varian dalam dialek Perak. Pendekatan yang diguna pakai oleh sarjana-sarjana ini dalam usaha melakukan pengelompokan adalah melalui kaedah kualitatif, yakni dengan melakukan perbandingan antardialek. Hasil daripada perbandingan yang dilakukan oleh ketiga-tiga tokoh bahasa ini, mereka berkongsi persamaan, yang menyatakan dialek Perak asli dituturkan di sepanjang Sungai Perak. Namun, sekatan-sekatan yang diwujudkan pengkaji-pengkaji ini dalam kajian mereka menjadikan pengelompokan dialek Perak yang dilakukan mempunyai perbezaan antara satu sama lain. Ilustrasi pengelompokan dalaman dialek Hulu Perak yang diubah suai adalah seperti Rajah 1.1, Rajah 1.2 dan Rajah 1.3 di bawah.



Rajah 1.1 Rajah Pohon Pengelompokan dialek Perak oleh Asmah Omar (2015)



Rajah 1.2 Rajah Pohon Pengelompokan dialek Perak oleh Ismail Hussein (1973)



Rajah 1.3 Rajah Pohon Pengelompokan dialek Perak oleh Harun Mat Piah (1983)

Berdasarkan pada ketiga-tiga ilustrasi rajah pengelompokan yang dilakukan, didapati kajian Harun Mat Piah (1983) lebih jelas perinciannya terhadap lokasi dan jenis dialek yang dituturkan di Perak. Berbeza dengan (Ismail 1973 dan Asmah 2015), pengelompokan yang dibuat lebih bersifat luas kerana mereka melibatkan dialek Semenanjung lain juga dalam perbincangan tersebut. Harun Mat Piah (1983) mengelompokkan dialek Hulu Perak melibatkan dua kawasan, iaitu di Gerik dan Klian Intan ini menuturkan dialek Patani. Manakala Ismail Hussein (1973) mengelompokkan Utara Perak menuturkan dialek Patani, tanpa merujuk kawasan secara tepat. Seterusnya Asmah (2015) mengelompokkan dialek Hulu Perak dan Larut Matang sebagai dialek Patani. Walau bagaimanapun pengelompokan yang dipaparkan itu, masih tidak jelas tentang status dan pengidentifikasian DHPU yang sebenarnya.

Tidak jelas di sini bermakna, para pengkaji masing-masing berbeza penetapannya mengenai DHPU. Misalnya Ismail Hussein (1973) menyatakan Hulu Perak menuturkan dialek Patani yang lebih hampir dengan dialek Terengganu berbanding dialek Kelantan. Berbeza dengan (Asmah 2015), beliau merumuskan dialek Patani merujuk kepada daerah Hulu Perak dan Larut Matang Selama lebih dekat dengan dialek Kuala Kangsar. Asmah (2015), “bahasa yang dituturkan di Larut Matang pada amnya sama dengan yang dituturkan di daerah Kuala Kangsar”. Dapatnya juga cenderung membuktikan dialek Perak dan dialek Patani di Hulu Perak ada banyak persamaan, ia berbeza dengan dialek-dialek Patani yang lain, tambahannya lagi, Asmah (2015) mengatakan adalah juga sudut persamaan dialek Patani di Perak mempunyai persamaan dengan dialek Kedah. Pada pandangan pengkaji, dapatnya ini hanya berdasarkan Larut Matang. Seharusnya daerah Hulu Perak diasingkan dalam kelompok tersebut. Hal ini kerana pengkaji lebih cenderung dengan kajian yang dilakukan oleh (Ismail Hussein 1973; Harun Mat Piah 1983; Tajul Arippin & Tarmiji Misron (2014); Nur Habibah (2014) berkaitan status dialek Hulu Perak, kerana ketiga-tiga kajian ini berkongsi persamaan dari segi analisis datanya.

Berdasarkan kepada pengelompokan ini, satu kesimpulan dapat dilakukan. Semua pengkaji bersependapat bahawa dialek Patani dituturkan di daerah Hulu Perak. Namun, pada pandangan pengkaji, secara jelasnya dialek Patani yang tidak dipengaruhi dialek-dialek lain dituturkan di Hulu Perak Utara. Ini meliputi daerah Lenggong, Gerik dan Pengkalan Hulu (Kroh) dan sedikit di bahagian Larut Matang dan Selama Perak. Walau bagaimanapun,

persamaan ciri linguistik terhadap varian yang disatukan bawah dialek Patani Perak ini masih kabur dan tidak kukuh jika ingin dibandingkan dengan dialek Perak asli (seperti dialek Parit dan Bota) yang telah banyak diberikan tumpuan yang menyeluruh oleh para pengkaji lepas.

Seterusnya, kajian-kajian pendeskripsian fonem dan fonologi bagi subdialek-subdialek lain di Perak tidak diberikan tumpuan yang sewajarnya. Buktinya dapat dilihat dalam kajian-kajian pengkaji lepas seperti (Abu Bakar Hamid 1981; Raja Mukhtaruddin 1986; Asmah 2015; Harun Mat Piah 1983; Zaharani 1991). Kesemua pengkaji ini menjadikan kawasan yang menuturkan dialek Perak asli sebagai fokus kawasan kajian mereka. Berikut adalah perincian atau pendeskripsian fonem yang dilakukan oleh pengkajian dalam dialek Perak asli merujuk Jadual 1.

Jadual 1 Pendeskripsian fonem dialek Perak pengkaji-pengkaji lepas

Pengkaji	Deskripsi Fonem	Bilangan fonem	Kawasan kajian
Abu Bakar Hamid (1962)	[p, b, t, d, k, g, m, n, ŋ, s, h, z, l, r, w, y, f, v, č, j] [a, e, u, o, i]	21 konsonan 5 vokal	Ipoh Perak
Raja Mukhtaruddin (1986)	[p, b, t, d, k, g, ʔ, č, j, s, z, ɣ, h, m, n, ŋ, l, w, y] [i, e, ε, a, α, o, ɔ, u, ə, ɜ] [oi]	20 konsonan 10 vokal 1 diftong	Perak Selatan
Harun Mat Piah (1983)	[p, b, t, d, k, g, ʔ, č, j, s, z, ɣ, h, m, n, ŋ, l, w, y] [i, e, ε, a, α, o, ɔ, u, ə]	20 konsonan 9 vokal	Perak
Asmah (2015)	[p, b, t, d, k, g, q, m, n, ŋ, ɲ, s, R, h, c, j, r, l, w, y] [i, e, é, a, o, ô, u] [oy] dan [aw]	20 konsonan 7 vokal 2 diftong	Parit
Zaharani Ahmad (1991)	[p, b, t, d, k, g, s, h, c, j, m, n, ɲ, l, ʁ, w, y] [i, ε, a, ɔ, u, ə]	18 konsonan 6 vokal	Bota

Jelaslah, pengidentifikasian tentang dialek asli Perak apabila merujuk pada dapatan kajian oleh pengkaji lepas ini. Keadaan seperti inilah wajar diusahakan pada subdialek lain di Perak terutamanya di HPU. Tujuannya adalah tak lain untuk penyerlahan identiti DHPU di samping menjadi penyumbang kepada bidang linguistik sejarawi untuk melakukan rekonstruksi dalaman. Seterusnya dapat melakukan pengelompokan dengan lebih kukuh dan secara menyeluruh bagi dialek Perak.

Harus diakui ada juga kajian pendeskripsian fonem dialek Patani di Perak seperti yang dilakukan oleh pengkaji lepas, misalnya kajian geografi dialek oleh (Nur Habibah 2014) di Hulu Perak (Gerik dan Pengkalan Hulu), dan kajian umum Asmah (2015a) yang membandingkan dialek Parit dengan dialek Patani di Perak. Kedua-dua kajian ini antara kosa ilmu yang menjadi pemangkin kepada pengkaji untuk menelusuri secara tuntas keistimewaan DHPU yang dibahaskan mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Nuwairi (2004) misalnya ada menyatakan di HPU merupakan dialek imigran yang menuturkan dialek Patani, namun harus dibezakan dengan dialek imigran lain di Perak seperti dialek Jawa, Mendaling, dan sebagainya disebabkan faktor sejarah. Manakala Tajul Arippin (2014) pula menyatakan istimewanya di Hulu Perak ini adalah kawasan yang mempunyai lebih daripada lima varian yang dituturkan oleh masyarakat di sana sehingga kini. Penyataan kedua-dua tokoh ini mengukuhkan lagi keputusan pengkaji untuk menelusuri ciri linguistik yang sebenarnya dialek di HPU ini.

Kajian (Nur Habibah, 2014) antara yang dirujuk untuk mencungkil keistimewaan ciri linguistik DHPU yang sebenarnya. Nur Habibah mendeskripsikan fonem di HPU terdiri daripada 8 vokal [i, e, u, o, a, ε, ə, ə] dan 20 konsonan [p, b, t, d, k, g, ʔ, s, z, h, γ, tʃ, dʒ, l, m, n, ŋ, w, y]. Kajian ini menggunakan kaedah geografi dialek secara kualitatif, yakni analisis yang dilakukan adalah dengan memperlihatkan kesejajaran kehadiran fonem dalam lingkungan kata pada setiap varian (30 varian) yang dikaji dan kemudiannya memplotkan perbezaan yang wujud pada lakaran peta kawasan yang dibuat. Selain daripada fonem, keunikan leksikal pada varian-varian yang dikaji juga ditonjolkan perbezaannya melalui pemplotan pada peta. Hasil daripada dapatan kajiannya, Nur Habibah melakukan pembahagian kawasan-kawasan kajian tersebut kepada empat kumpulan. Setiap kumpulan tersebut diwakili oleh beberapa kawasan kampung yang memiliki varian yang sama berdasarkan perkongsian ciri linguistik yang sama. Walau bagaimanapun, kajian Nur Habibah ini dan juga kebanyakan kajian-kajian yang dihuraikan sebelum ini berlegar dalam nuansa sinkronik, yang melakukan perbandingan antardialek. Menurut Tarmizi, “Dengan perbandingan dialek semasa tanpa dilanjutkan kepada usaha rekonstruksi, pengelompokan bakal memperlihatkan hubungan vertikal.

Selain kajian fonem, kajian teori fonologi juga menjadi tumpuan pengkaji dalam dialek Perak. Keadaan ini sedikit berbeza dengan kajian fonem. Kajian fonologi dilihat telah menjadi tumpuan pengkaji untuk mengkaji fenomena dialek di HPU. Misalnya kajian (Tajul Arippin, 2002, 2014). Kedua-dua hasil kajian yang dilakukan Tajul Arippin mengenai pemerihalanan proses fonologi terhadap varian-varian di HPU sedikit sebanyak membantu dalam memperkukuhkan kajian rekonstruksi dan klasifikasi dialek HPU yang dilakukan, terutamanya dalam analisis perubahan bunyi yang berlaku semasa analisis rekonstruksi dilakukan.

Hasil kedua-dua kajian (Tajul Arippin 2002, 2014) secara tidak langsung memperlihatkan perkaitan antara kajian yang dilakukan oleh (Ismail Hussein 1973) dahulu bahawa dialek Patani Hulu Perak mempunyai persamaan dengan dialek Terengganu. Pada

pandangan pengkaji, dapatan kedua-dua tokoh ini, dapat dibuktikan dan diperkukuhkan serta diperkemas lagi dengan adanya perlanjutan kajian kepada usaha rekonstruksi. Hal ini demikian kerana, umum telah jelas bahawa matlamat disiplin linguistik bandingan sejarawi adalah untuk mengelompokkan atau mengklasifikasikan bahasa atau dialek. Sekali lagi ditekankan, melalui kaedah rekonstruksi dan klasifikasi, evolusi kesejarahan sesuatu bahasa atau dialek akan dapat dikesani dengan baik.

Aspek terakhir yang ingin disintesis dalam kajian-kajian lepas ini adalah berkaitan kajian pemetaan atau geografi dialek di Perak. Dari semasa ke semasa, kajian pemetaan di Malaysia telah mencapai banyak kemajuan. Kejayaan paling bersejarah dalam ilmu linguistik, khususnya sejarah dialektologi ialah pencapaian oleh Asmah Haji Omar (1977) dalam menerbitkan lima lembar peta yang menggambarkan beberapa fenomena dialek di Semenanjung Tanah Melayu serta memperlihatkan garisan yang dianggapnya sempadan fenomena tersebut (James T. Collins, 2007). Sehingga kini kajian pemetaan masih menjadi tumpuan oleh para penggiat pengkaji bahasa di Malaysia.

Kajian pemetaan awal di Perak dilakukan oleh (Rohani Mohd Yusuf 1986) di Kuala Kangsar, manakala kajian dialek pemetaan terkini dilakukan oleh (Norhashimah 2015, 2016), (Siti Noraini Hamzah, Nor Hashimah & Zaharani Amhad 2017) dan (Siti Noraini Hamzah & Mor Hashimah 2018) dengan menggunakan aplikasi teknologi GIS. Selain daripada itu, pengkaji lain yang melakukan kajian dialek geografi secara tradisional adalah (Nur Habibah 2014; Mohamad Firdaus, Shahidi A. Hamid & Rahim Aman 2020).

Pendekatan metodologi kajian GIS dalam kajian dialek agak menarik dengan pemaparan petanya yang jelas dan menunjukkan kajian yang merentas bidang menggunakan teknologi terkini dalam kajian bahasa. Kajian daripada Nor Hashimah Jalalludin (2015) ini meneliti dialek Patani di Perak dengan mengambil kira kajian multidisiplin, iaitu linguistik, (kajian dialek) digabungkan dengan geografi serta ilmu sosial yang lain. Nor Hashimah mengandaikan bentuk muka bumi, sejarah, migrasi dan ruang jika digembleng bersama fakta linguistik akan menjawab bagaimana dialek tersebar.

Selain itu juga, kajian ini melihat bagaimana dialek Patani yang nyata berbeza dengan dialek Kedah dan Perak akhirnya dapat berasimilasi dengan dialek tempatan. Penyebaran dialek ini menggunakan teknologi GIS untuk mendapatkan gambaran isoglos dan persempadanan dialek dapat dirakam dengan saintifik (Nor Hashimah, 2015). Menurut Nor Hashimah, bentuk muka bumi Perak itu tersendiri menyebabkan berlakunya penyebaran dialek Patani di Perak. Kenyataan beliau ini dikuatkan dengan sokongan oleh kajian lepas, Raja Mukhtaruddin (1986) dan Asmah (2015). Penyebaran dialek berlaku melalui ruang yang dikenali hari ini sebagai geospasial.

Akhir sekali, kajian-kajian berkaitan linguistik lain yang menjadikan dialek Perak sebagai subjek kajian juga ada dilakukan oleh para pengkaji dialek. Misalnya tokoh sosiolinguistik (Norhashimah Osman 1994) yang mengkaji pemilihan bahasa yang dilakukan pada penduduk kawasan perumahan di Ulu Dedap Perak, seterusnya kajian oleh (Norliza 2002) dalam bidang leksikografi, iaitu berkaitan 'Pentakrifan dialek Perak dalam Kamus dan juga kajian sintaksis (Sakinah & Fazal 2016) mengenai bentuk dan kedudukan kata tanya dialek Perak Utara: satu huraian deskriptif.

Kajian-kajian ini secara tidak langsung memaparkan kajian yang bersifat linguistik perbandingan juga, seperti linguistik perbandingan tipologi dan linguistik perbandingan

kawasan. Namun, berbeza pendekatan dengan linguistik historis perbandingan. Tiga bidang kajian perbandingan ini secara tidak langsung memperlihatkan persamaan sifat linguistik perbandingannya iaitu sejarah, diakronik, sinkronik, deskriptif dan ilmiah dalam meneliti perkembangan bahasa. Walau bagaimanapun, kajian ini tidak melihat aspek asal usul bahasa seperti dalam Model Robins yang berkaitan kajian linguistik zaman. Sebaliknya linguistik historis perbandingan mengkaji perkembangan bahasa berkerabat atau dialek daripada sebuah bahasa dari segi asal usul dan perkembangan masing-masing dari awal hingga suatu waktu tertentu (Noriah Mohamed 2021:5).

Namun, kajian-kajian ini memberi sumbangan kepada inventori dialek Perak seterusnya membantu pengkaji bahasa yang lain dalam meneruskan kajian dialek Perak khususnya di Hulu Perak. Berdasarkan kesemua kajian ini jelas memperlihatkan status atau keberadaan bidang sejarah linguistik dalam kajian dialek masih belum diterokai sepenuhnya oleh ahli dialektologi. Mungkin kajian atau bidang ini bukan menjadi pilihan utama para pengkaji bahasa, ataupun lebih tepat lagi kurangnya pendedahan dan rujukan berkaitan ilmu linguistik sejarawi. Buktinya, umum pelajar-pelajar prasiswazah masih keliru hal berkaitan 'Sejarah Linguistik' dengan 'Linguistik Sejarawi' yakni dianggap bidang yang sama (Nur Habibah Che Rosdi, 2023).

Metodologi

Penerapan dalam kajian ini adalah sepenuhnya menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif historis yang melibatkan bidang sejarah linguistik. Pendekatan historis merujuk kepada fakta-fakta sejarah dalam menjelaskan evolusi bahasa Melayu di Nusantara (Mohamed Pitchay Gani, 2009). Perbandingan bahasa dilakukan dengan menggunakan pendekatan Model Robins (1967;1993), iaitu setiap zaman dihuraikan berasaskan data linguistik yang menjadi kajian pada zaman tersebut. Menurut Model Robins (1967;1993) ini, perkembangan linguistik bersifat evolusi atau berkesinambungan. Evolusi bermaksud sesuatu idea linguistik yang dibicarakan dalam sesuatu zaman bukan muncul secara tiba-tiba dalam zaman tersebut, sebaliknya idea tersebut sebenarnya ialah warisan dari zaman atau ahli linguistik yang terdahulu.

Oleh hal yang demikian, kosa kata yang digunakan dalam dialek Patani HPU ini akan dilihat pada aspek pinjaman bahasa Arab. Hal ini kerana HPU inilah kawasan penyebaran Islam suatu ketika dahulu, seperti yang kita sedia maklum, medium penyebaran agama dilakukan dengan menggunakan tulisan Jawi yang mempunyai pengaruh Arab dan Parsi.

Pemerolehan data adalah melalui kajian kepustakaan dan kajian lapangan. Bagi kajian kepustakaan data sekunder diperoleh untuk penelitian kajian-kajian lepas yang berkaitan dan kajian terhadap sejarah ketamadunan kawasan kajian, yang mempunyai kaitan dengan ketamadunan Islam Patani. Manakala kajian lapangan, data diperoleh daripada temu bual berstruktur di lapangan. Kawasan yang terlibat adalah daerah Hulu Perak yang melibatkan beberapa kampung di Gerik dan Pengkalan Hulu.

Teknik senarai daftar kata digunakan untuk pengumpulan data leksikal dialek Patani Hulu Perak Utara. Sebanyak 508 daftar leksikal di rekod meliputi pelbagai bidang semantik. Selain daripada data leksikal, rakaman perbualan tidak berstruktur seperti naratif juga antara teknik yang digunakan untuk memperoleh data. Temu bual dilakukan terhadap informan yang

mempunyai ciri NORM/NORF (*Nonmobile, Old, Rural, Male/female*) iaitu yang disarankan oleh Chambers & Trudgill (1990), selain mempunyai alat pertuturan yang sempurna, iaitu artikulator yang lengkap seperti gigi yang dan tidak sengau.

Berdasarkan data leksikal dan temu bual tidak berstruktur yang diperoleh, transkripsi fonetik dilakukan. Seterusnya pemilihan leksikal atau kosa kata yang dianggap sebagai kosa kata pinjaman bahasa Arab sahaja dianalisis untuk melakukan perbandingan kosa kata dilakukan secara sinkronik. Perbandingan secara sinkronik ini adalah melibatkan perbandingan kosa kata bahasa Melayu Standard, dengan dialek Hulu Perak Utara. Perbandingan akan dilakukan terhadap perubahan daripada aspek bunyi dan kosa kata.

Dapatan Kajian

Sejarah Hulu Perak Utara Sebahagian Ketamadunan Islam Patani

Reman ini adalah sebahagian daripada pemecahan tujuh bahagian Negeri Patani yang masyhur suatu ketika dahulu. Bekas istana persinggahan Raja Reman dan makam permaisurinya, Permaisuri Cik Neng berada di Kampung Selarong, Pengkalan Hulu. Ringkasnya, istimewanya kawasan Hulu Perak (Reman) ini, pernah menjadi saksi kepada kewujudan sebuah kerajaan Melayu silam bernama 'Langkasuka'.

Menurut Moustapha Abbas (2019), sebelum Pattani menyaksikan kemunculan Kesultannya, ia pernah menjadi saksi kepada kewujudan sebuah kerajaan bernama Langkasuka. Wujud bukti menunjukkan batu peninggalan purba kerajaan berkenaan di daerah Pujud dan Jering. Manakala menurut Mohd. Zamberi (1993) sumber dari Liang Shu menerangkan keluasan negara kota Langkasuka mengikut panjang pantainya, jika perjalanan dari arah timur ke barat memakan masa 30 hari dan dari arah utara ke selatan pula memakan masa sejauh 20 hari perjalanan. Dianggarkan jajahan empayarnya meliputi negeri-negeri Senggora, Patani, Kelantan, Terengganu, sebahagian dari Utara Kedah dan Hulu Perak!

Kedatangan Islam Ke Wilayah Patani

Tarikh kedatangan Islam di Asia Tenggara masih kurang jelas dan agak mengelirukan, kerana bukti yang diketemukan belum terungkai secara tuntas oleh para sarjana. Namun. Pendapat-pendapat sarjana terutamanya sejarawan, kedatangan Islam ke Asia Tenggara dapat dirumuskan melalui lima teori yang diutarakan oleh Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2005:52), iaitu:

- a. Islam datang ke Asia Tenggara melalui India dan para pembawanya ialah para saudagar yang berniaga terutama dari Gujerat ke Asia Tenggara. Teori ini banyak didukung oleh pengkaji-pengkaji Barat seperti Winstedt dan lain-lain.
- b. Islam datang ke Asia Tenggara melalui Parsi yang dibawa oleh orang Islam yang berniaga dan yang berdakwah. Oleh sebab itu terdapat beberapa pengaruh ajaran Syi'ah di Asia Tenggara.

- c. Islam datang ke Asia Tenggara langsung dari Tanah Arab disebabkan oleh terdapatnya banyak penempatan keturunan Arab di Asia Tenggara.
- d. Islam datang ke Asia Tenggara melalui negeri China seperti yang didukung oleh S.Q. Fatimi, seorang penyelidik dari Pakistan.
- e. Islam datang ke Asia Tenggara melalui pelbagai jurusan dan tempat seperti Asia Barat, Asia Selatan dan Afrika Utara.

Rumusan daripada ini, Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain (2005:52) merumuskan bahawa pendapat terakhir (e) adalah yang paling kuat kerana banyak unsur Islam di Asia Tenggara yang mempunyai pelbagai pengaruh, iaitu pendapat daripada Prof. Dr Syed Naquib Alattas.

Oleh hal yang demikian, kedatangan Islam ke Patani mengikut pendapat ini. Setakat ini, suatu dokumen yang dianggap paling awal menunjukkan permulaan Islam di Semenanjung Tanah Melayu ditemui adalah inskripsi batu bersurat Terengganu. Serentak dengan penemuan batu bersurat Terengganu ini, kajian yang dilakukan ke atas batu nisan Raja Patani yang pertama beragama Islam pula membuktikan jenis dan bentuknya adalah sama dengan batu nisan Raja Pasai yang pertama beragama Islam, iaitu Sultan Malek al- Salleh. Hal ini dapat dihubungkan dengan pendapat beberapa orang sejarawan Barat bahawa Patani pernah menjadi Pusat Islam tertua di Asia Tenggara (Mohd. Zamberi A. Malek 1993:22).

Analisis Fonetik dan Leksikal dalam Konteks Sejarah Ketamadunan Islam Patani

Analisis data dialek HPU ini akan menggunakan pendekatan Model Robins (1967;1993) yang melihat idea perubahan linguistik sebenarnya ialah warisan dari zaman atau ahli linguistik yang terdahulu. Pengaruh bahasa Arab dalam bidang keagamaan berlaku sejak zaman bahasa Melayu Klasik lagi, iaitu bermulanya abad ke-13 hingga abad ke-19 berdasarkan daripada bukti-bukti prasasti yang mempunyai tulisan Jawi.

Bukti terpenting penyebaran Islam mula tersebar di Asia Tenggara dan khususnya di Patani adalah melalui penemuan secara serentak batu bersurat Terengganu dan batu nisan Raja Patani seperti yang dimaklumkan pada bahagian di atas. Kedua-duanya menggunakan tulisan Jawi pada prasasti tersebut iaitu tulisan Arab yang berbahasa Melayu. Penemuan ini memberikan gambaran gari pemisah perkembangan bahasa Melayu kuno kepada bahasa Melayu Klasik. Berdasarkan maklumat sejarah, bahasa Melayu Klasik ialah bahasa yang berkembang selari dengan pengaruh agama Islam di Asia Tenggara (Shamsul Aizuwani Nawi, Suhasni Dollah dan Zurihan Yusoff, 2022).

Oleh hal yang demikian, analisis data linguistik akan memperlihatkan bentuk perubahan atau perkembangan yang berlaku dalam kosa kata pinjaman bahasa Arab dalam dialek HPU. Analisis ini memaparkan dua bahagian, iaitu yang pertama melihat perkembangan kosa kata pinjaman bahasa Arab dalam dialek HPU dan kedua, mengesan perubahan bunyi yang berlaku dalam kosa kata tersebut.

Perkembangan Kosakata Leksikal Bahasa Arab dalam Dialek Hulu Perak Utara (HPU)

Jadual 2 Perbandingan Kosakata Pinjaman Bahasa Arab dengan Dialek HPU

Bil.	Bidang Semantik	Bahasa Melayu	Dialek HPU
1.	Kata ganti nama diri	hamba	[ambO]
2.	Kata sifat dan kata kerja	fikir	[pike] / [m:kE]
		faham	[pahE]
3.	Istilah agama	zikir	[dZike]
		batal	[bata]
		solat	[smajeÎ]
		sujud	[sudZu?]
		akal	[aka]
		wuduk	[E smajeÎ]
		Quran	[kita?] / [çO?an]
4.	Adat dan pergaulan	reda	[rEdo]
		kubur	[kubo]
		batin	[bateÎ]
		adat	[ada?]
		jenazah	[maya?]
		maut	[matiʷ]

Perubahan Bunyi Dalam Konsonan Pinjaman Bahasa Melayu

Konsonan pinjaman bahasa Melayu kebanyakan adalah daripada pinjaman bahasa Arab yang terdiri daripada konsonan /f/, /z/, /θ/, /ð/ dan /ʃ/. Berdasarkan data kosakata yang disenaraikan, terlihat tidak banyak perubahan bunyi yang berlaku jika ingin dibandingkan dengan bahasa Melayu dengan dialek HPU. Keseluruhannya boleh dikatakan retensi berlaku semasa realisasi terhadap kosakata pinjaman bahasa Arab.

Perubahan bunyi konsonan yang jelas adalah konsonan /f/ dalam bahasa Melayu berubah menjadi /dZ/ dalam dialek HPU bagi perkataan [fikir] dan [faham]. Manakala perubahan leksikal pula, ada yang telah berlaku perkembangannya dalam dialek HPU, iaitu tidak mengekalkan penggunaan kosakata bahasa Arab lagi. Misalnya bagi perkataan 'solat, wuduk, jenazah, maut dan Quran.

Perubahan atau evolusi bahasa yang berlaku ini, mempunyai kesesuaian yang ditentukan oleh kekerapan penggunaannya oleh penutur dan sepantas mana ia diresapi (Mohamed Pitchay Gani, 2009). Kata-kata pinjaman bahasa Arab ke dalam bahasa Melayu telah lama diresapi dan digunakan sejak kedatangan Islam. Jelas sekali perubahan leksikal yang berlaku dalam dialek HPU (dalam paparan jadual) telah menepati beberapa faktor yang digariskan oleh Mohamed Pitchay Gani (2009:131), iaitu:

1. Makna yang berguna – sesuatu kata akan sering digunakan sekiranya ia didapati mampu memberikan makna yang sesuai dengan keperluan pragmatik penutur. (contoh kata maut > [mati^y] , jenazah > [maya?])
2. Produktiviti – penggunaan bahasa juga adalah berdasarkan kemampuannya untuk bergabung dengan kekata lain untuk menghasilkan bentuk majmuk atau yang seumpamanya. Contoh kata wuduk > [E smaje^Î] yang membawa maksud ‘air sembahyang’.

Kesimpulan

Demikianlah serba sedikit perkaitan perkembangan dialek HPU yang dilihat pada aspek sejarah melalui pendekatan Model Robins (1967) yang mana beliau menekankan idea linguistik (data linguistik kosa kata pinjaman bahasa Arab) merupakan perkembangan yang bersifat evolusi atau berkesinambungan. Evolusi bermaksud sesuatu idea linguistik yang dibicarakan dalam sesuatu zaman bukan muncul secara tiba-tiba dalam zaman tersebut, sebaliknya idea tersebut sebenarnya ialah warisan dari zaman atau ahli linguistik yang terdahulu. Ini bermakna, penggunaan kosa kata yang digunakan dalam dialek HPU kini mempunyai perkaitannya dengan zaman kedatangan Islam di Patani suatu ketika dahulu. Perkembangan bahasa atau dialek khususnya tidak lengkap jika ianya tidak dikaitkan dengan sejarah yang dilihat dengan lebih mendalam.

Rujukan

- Abdul Rashid Melebek dan Amat Juhari Moain. 2011. *Sejarah Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Ahmad Fathy Al Fathoni. 1994. *Pengantar Sejarah Patani*. Thailand: Pustaka Darussalam.
- Asmah Omar. 2015. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Edisi ke-2. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, C.C. 1921. *Perak Malay*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Chambers, J.K & Trudgill, P. 1990. *Dialektologi*. Terj. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J.T. 2007. Penghayatan Ilmu Linguistik melalui Pemetaan Dialek Melayu Sealam Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Harun Mat Piah. 1983. Dialek Perak: Satu Tinjauan Ringkas. *Kertas Kerja Bengkel Kepimpinan & Pengajian Kebudayaan*. Jabatan Kebudayaan Belia & Sukan Negeri Perak (pp. 20-23). Ipoh, Perak.
- Ismail Hussein. 1973. Malay Dialects in Peninsular. *Nusantara*, 3, 63-79.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 1993. *Umat Islam Patani: Sejarah dan Politik*. Shah Alam: HIZBI.
- Mohd. Zamberi A. Malek. 2017. Pertikaian Kawasan Perlombongan di Hulu Perak. *Dlm. Mohamad Rashid Pakri & Nik Haslinda Nik Hussain (pnyt.) Klian Intan Perlombongan Bijih Timah dan Perkembangan Sosioekonomi*, hlm. 24-78. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mohamad Firdaus Azaharuddin, Shahidi A. Hamid & Rahim Aman. 2020. *Pemetaan variasi Fonologi dan Leksikal dialek Hilir Perak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Penyebaran Dialek Patani di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 8(2), 310-330.
- Nor Hisham Osman. 1994. *Kajian Pemilihan Bahasa di Kawasan Perumahan Ulu Dedap, Perak*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriah Mohamed. 2021. Menelusuri Makna Linguistik Sejarah dan Perbandingan. Dlm. Noriah Mohamed (pnyt). *Menelusuri Inti Sari Linguistik Sejarah dan Perbandingan*. hlm 1-12. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia Berhad.
- Norliza Jamaluddin. 2002. Pentakrifan Dialek Perak dalam Kamus. *Jurnal Bahasa*, 2(3), 490-501.
- Nur Habibah Che Rosdi. 2014. *Dialektologi Geografi Hulu Perak Utara: Perbandingan Fonologi dan Leksikal*. Tesis Ijazah Sarjana. Jabatan Pengajian Melayu, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Habibah Che Rosdi, Rahim Aman & Shahidi A. Hamid. 2023. *Dialek Hulu Perak Utara: Pendekatan Linguistik Bandingan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nuwairi. 2003. Dialek: Taburannya di Negeri Perak daripada Perspektif Dialektologi. *Jurnal Pengajian Melayu. Jilid 13: 88-99*.
- Raja Mukhtaruddin. 1986. *Dialek Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Raja Razman Raja Abdul Hamid. 1963. *Hulu Perak dalam Sejarah*. Ipoh. Regina Press.
- Rohani Mohd Yusof. 1986. *Subdialek Kuala Kangsar: Satu Kajian Perbandingan Fonologi*. Tesis sarjana, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Roslelawati Abdullah. 2017. Industri Bijih Timah. Dlm. Mohamad Rashid Pakri & Nik Haslinda Nik Hussain (pnyt.) *Klian Intan Perlombongan Bijih Timah dan Perkembangan Sosioekonomi*, hlm. 8-23. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Sakinah & Fazal Mohamed. 2016. Bentuk dan Kedudukan Kata Tanya Dialek Perak Utara: Satu Huraian Deskriptif. *Jurnal Bahasa*, 6(2), 53-274.
- Shamsul Aizuwani Nawi, Suhasni Dollah dan Zurihan Yusof. 2022. Sejarah Perkembangan Bahasa Melayu. Kuala Lumpur: Global Mediastreet Sdn Bhd.
- Siti Noraini Hamzah et.al. 2017. Migrasi Masyarakat Luar dan Pengaruh dialek di Perak: Analisis Geolinguistik. *Jurnal Bahasa*. 17(1): 1-34
- Siti Noraini Hamzah & Nor Hashimah. 2018. Kepelbagaian Varian Leksikal Dialek di Perak: Pendekatan Geographical Information System.
- Tajul Arippin Khasin. 2002. Penasalan Vokal dalam Bahasa Melayu Standard dan Dialek Patani Gerik: Satu Huraian Perbandingan. *Jurnal Bahasa*, 2(3), 374-395.
- Za'ba. 1965. Loghat Bahasa2 Daerah dan Pelatnya. Dlm. Za'ba. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Zaharani Ahmad. 1991. *The Phonology and Morphology of Perak Dialect*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.